

Oleh Erdiehazzuan Ab Wahid  
hmkk@mediaprima.com.my  
**Kota Kinabalu**

**P**ermulaan yang baik". Itu nada ringkas diluahkan pengurus pasukan Sabah, Alijus Sipil selepas Sabahawks menewaskan KL SPA Putrajaya FC, 2-1 pada aksi pembuka tirai Liga Perdana di Stadium Likas, petang semalam.

Walaupun mengaku perlawanannya itu agak mencabar, Alijus berkata, Sabah akan terus memperbaiki kelemahan pada perlawanannya akan datang.

"Perlawanannya ini agak mencabar dan kita dapat lihat pasukan lawan memberi tantangan hebat kepada kita."

"Namun, kita akan lihat perlawanannya akan datang dan memperbaiki segala kelemahan yang ada," katanya.

Alijus juga mahu pemain menjadikan perlawanannya sebagai titik permulaan mencipta kemenangan pada aksi akan datang.

Pemain pertahanan, Shahrul

Azhar Ture menjadi wira Sabahawks apabila membantu Sabah meraih tiga mata penuh.

Gol pertama Sabah dihasilkan melalui tendangan percuma Shahrul pada minit kelima selepas Mohd Farid Saibun dijatuhkan di luar kotak penalti bagi menewaskan penjaga gol Muhamad Nurazat Abd Aziz.

Selepas berlaku pergolongan d depan gawang Sabah, KL SPA Putrajaya FC berjaya memperoleh gol penyamaan apabila pemain import Sabah, Rhys David Weston tertendang masuk ke gawang sendiri pada minit ke-28.

Sebaik tamat waktu rehat, Sabah terus menggempur gawang pelawat. Pada minit ke-50, percubaan pemain import, Koh Traore berjaya diitepis penjaga gol lawan.

Sabah berjaya mendapat gol kedua hasil sepakan penalti Shahrul selepas Wan Mohd Alif dijatuhkan pada minit ke-71.

Sabah akan bertemu KL SME Darby di Stadium Selangor, Jumaat ini.

# Mula langkah kanan

■ Alijus puas hati prestasi keseluruhan anak buah



PEMAIN import Sabah, Traore (kanan) melakukan percubaan ke gawang pelawat.

KOSMO! SELASA 8 JANUARI 2013

SUKAN!  
63

# Shahrul penyelamat Sabah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB  
 yunus.yakkub@kosmo.com.my

**SABAH** memulakan langkah kanan dalam misi menguasai pentas Liga Premier musim ini apabila menang kemenangan sulung dengan menewaskan KL SPA Putrajaya 2-1 pada aksi pembuka tirai semalam.

Turun selaku tuan rumah di Stadium Likas, Kota Kinabalu itu, skuad kendalian David McCreery tersebut harus berterima kasih kepada bintang muda, Shahrul Azhar Ture yang meledak kedua-dua gol untuk menghadiahkan tiga mata penuh buat *Sabahawks*.

Pada perlawanan semalam, Sabah yang baru diturunkan pangkat untuk

beraksi dalam Liga Premier bermula garang apabila mendahului seawal minit kelima.

Jaringan itu hadir menerusi sepakan percuma dari luar kotak penalti yang bijak disempurnakan oleh Shahrul.

Tersentak dengan jaringan itu, pasukan pelawat yang turun dengan reputasi selaku juara Liga FAM, bangkit memburu gol penyamaan menerusi beberapa gerakan berbahaya.

Peluang terbaik KL SPA hadir pada minit kesembilan, namun sepakan percuma Sazali Suwandi hanya menggegar palang gol Sabah.

Pada minit ke-28, hajat KL SPA untuk memperoleh gol penyamaan akhirnya

tercapai hasil jaringan sendiri pertahanan tuan rumah, Rhys David Weston yang tertampar bola ke gawang sendiri hasil percubaan Muhammad Asyidi.

Bersambung babak kedua, Sabah bangkit melancarkan gerakan menerusi gandingan Shahrul di bahagian sayap dan bintang import, Koh Toare yang berjaya mengancam kubu pertahanan lawan.

Bagaimanpun, gol kemenangan tuan rumah hanya diperoleh pada minit ke-71 menerusi sepakan penalti yang diambil Shahrul.

Sepakan penalti itu dihadiahkan pengadil kepada Sabah selepas Wan Mohd. Alif dijatuhkan pemain lawan, Raja Mohd. Hafillah.



SHAHRUL Azhar (kanan) meraikan kejayaannya selepas menjaringkan gol kemenangan untuk Sabah pada aksi menentang KL SPA Putrajaya di Stadium Likas semalam. Sabah menang 2-1.

TARIKH : 08/01/2013

MS : 47

8/1/2013 Pg 47 NST

# Postmen stamp mark on KL

**WHETHER** you want to call it bad luck or simple misfortune, Premier League outfit Kuala Lumpur have experienced it all so early in the season.

It all started when their Slovak defender Vladislav Palsa and midfielder Juraj Kuhajdik were disqualified by the FA of Malaysia (FAM) for the State FA's failure to register them before the Dec 6 deadline.

Slovak-born coach Stanislav Leiskovsky was then suspended for three matches for failure to attend a FAM refresher course.

The absence of the three Slovaks led to KL's bad start in the league.

Pos Malaysia recorded a come-from-behind 3-2 win over KL for their best ever league start at Selayang Stadium yesterday.


Under-21 player Syafwan Syahlan scored his first goal in a senior match for KL in the 14th minute before Munir Amran extended their lead three minutes later.

The young team, however, could not handle the pressure in the absence of Leiskovsky from the bench.

Pos replied through Nurhakim Burhan (40th) and Mohd Saufi Ibrahim (42nd) before half-time.

Saufi scored his second goal with a splendid attempt in the 65th minute.

"It is a good start for us consid-



Johor's **Juan Muriel Orlando** (left) fights for the ball with Sime Darby's **Juzaili Samion** at Larkin Stadium yesterday. Pic by Hairul Anuar Abd Rahim

ering we struggled to settle down early," said Pos Malaysia coach G. Torairaju yesterday.

"But we came back to score three goals and I'm happy with the performance of the players. We've never won our opening match before so this is a welcome change."

Elsewhere, two former FAM League sides — Universiti Teknologi Mara (UiTM) and the Public Service Commission (KL Spa) — lost their first ever respective Premier League matches yesterday.

National player Khyril Muhyemeen Zambri scored a brace in the 29th and 31st minutes to earn Kedah a convincing 2-0 win over UiTM at Hang Tuah Stadium in Malacca.

Sabah struggled before subduing KL Spa 2-1 at Likas Stadium in Kota Kinabalu.

Midfielder Shahrul Azhar Ture scored a brace in the seventh and 72nd minutes.

Former Wales international Rhys Weston scored an own goal in the 28th minute.

## AT A GLANCE

### PREMIER LEAGUE

#### RESULTS

SABAH	2	1	SPAPUTRAJAYA
PERLIS	1	2	SARAWAK
POLICE	5	0	BETARIA
POS MALAYSIA	3	2	KUALA LUMPUR
UITM	0	2	KEDAH
JOHOR	0	0	SIME DARBY

### SUPER LEAGUE

#### TODAY

PERAK	v	T-TEAM
-------	---	--------

(Lumut Stadium, 8.45pm)

TERENGGANU	v	FELDA UNITED
------------	---	--------------

(Sultan Ismail Nasiruddin Shah Stadium, 4.45pm)

PAHANG	v	DARUL TAKZIM
--------	---	--------------

(Darulmakhmur Stadium, 8.45pm)

SELANGOR	v	N SEMBILAN
----------	---	------------

(Shah Alam Stadium, 8.45pm)

#### TOMORROW

ARMED FORCES	v	LIONSXII
--------------	---	----------

(Paroi Stadium, 8.45pm)

KELANTAN	v	PKNS
----------	---	------

(Sultan Mohamed IV Stadium, 8.45pm)

**TARIKH : 08/01/2013****MS : 55**

BH ms 55 8/1/2013

# Sabahawks nyaris kongsi mata

**Kota Kinabalu:** "Permulaan yang baik, namun masih banyak perlu diperbaiki menjelang perlawanan kedua Jumaat ini," demikian rumusan pengurus Sabah, Alijus Sipil, sejurus Sabahawks menewaskan KL SPA Putrajaya 2-1 di Stadium Likas, petang semalam.

Walaupun berpuas hati dengan kejayaan meraih mata penuh dalam aksi sulung Liga Perdana, Alijus mahu segala kelemahan diperbaiki segera terutama menjelang perlawanan menentang naib juara Piala FA musim lalu, KL Sime Darby FC di Selayang, Jumaat ini.

"Saya lihat perlawanan hari ini (semalam) agak mencabar dan kita dapat lihat pasukan lawan memberikan tentangan hebat sepanjang perlawanan. Namun, kita akan memperbaiki segala kelemahan yang ada menjelang aksi kedua liga," katanya selepas perlawanan.

## Shahrul Azhar ledak

Dalam perlawanan yang berlangsung



pada sebelah petang gara-gara lampu limpah stadium belum mencecah tahap 1,000 lux, pemain pertahanan, Shahrul Azhar Ture muncul wira dengan menjaringkan dua gol pada setiap babak.

Gol pertama tuan rumah menjelma hanya lima minit selepas perlawanan bermula apabila sepakan percuma Shahrul Azhar menerjah gawang menewaskan penjaga gol pelawat, Muhamad Nurazat Abd Aziz.

KL SPA berjaya menyamakan kedudukan hasil kesempatan pemain import Sabah, Rhys Weston yang tertampar bola ke gawang sendiri selepas berlaku pergelutan di depan pintu gol tuan rumah pada minit ke-28.

Bagaimanapun, Shahrul Azhar sekali lagi menceriakan penyokong Sabah apabila menyempurnakan sepakan penalti pada minit ke-71 selepas Wan Mohd Alif dijatuhan pemain lawan sekali gus memastikan skuad kendalian jurulatih, David McCreery meraih tiga mata penuh. - Oleh Erdiehazzuan Ab Wahid